

## Media massa dan polis <sup>(P)</sup> harus kerjasama: Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerjasama polis dan media massa adalah penting untuk memastikan masyarakat memahami sebarang tindakan polis, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bellau berkata, golongan yang tidak memahami sesuatu tindakan polis mungkin menyebabkan keadaan huru-hara dengan mencabar pasukan berkenaan.

"Jika keadaan itu timbul, rakyat akan rasa ti-

- 6 DEK 1990  
dak semangat lagi," katanya ketika berucap di majlis makan malam Polis - Sebaran Am 1990 di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masyarakat perlu menghargai sumbangan pelbagai pihak, termasuk polis yang berkhidmat untuk keamanan negara.

Bagaimanapun, bellau berkata, apabila masyarakat tidak menghargai jasa polis, anggota pasukan itu mungkin hilang

semangat dan rasa perkhidmatan mereka kepada rakyat tidak berguna.

Menurutnya, kerjasama media massa dan polis adalah penting untuk menyalurkan maklumat kepada rakyat mengenai langkah yang diambil dalam menghadapi sesuatu keadaan.

Bellau memberi contoh bagaimana polis perlu menjelaskan kepada orang ramai mengenai tindakannya dalam kes Memali di mana pasukan polis diserang dulu.